

ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH DI MALAYSIA: KAJIAN KESERAGAMAN DAN KETIDAKSERAGAMAN BAGI PERUNTUKAN KESALAHAN TATASUSILA

Nor ‘Adha Ab Hamid¹, Mohamad Hafifi Hassim², Azizah Mat Rashid¹, Maffuza Salleh¹, Mohd Farok Mat Nor¹.

¹Jabatan Undang-Undang (JUU), Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

²Pusat Pengajian Siswazah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
noradha@kuis.edu.my

Abstrak

Kesalahan tatasusila secara literalnya merujuk kepada kesalahan yang berkaitan moral, perilaku baik dan juga yang menyentuh mengenai akhlak Islamiah seseorang baik di hadapan khalayak ramai ataupun sebaliknya. Kesalahan mengenai kesusilaan dinyatakan dengan jelas di dalam enakmen jenayah negeri-negeri di Malaysia. Namun, istilah bagi jenis kesalahan ini berbeza-beza mengikut enakmen negeri-negeri di Malaysia. Sebagai contoh, sesetengah enakmen negeri mempunyai peruntukan khusus mengenai kesalahan berkaitan kesusilaan dan sesetengah negeri tidak mempunyai peruntukan kesalahan khusus tersebut tetapi diletakkan di bawah kategori kesalahan ‘pelbagai’. Sesetengah negeri pula tidak mempunyai peruntukan langsung tentang kesalahan tertentu yang diperuntukkan dalam enakmen lain. Instrumen secara temubual berstruktur dilakukan untuk mendapatkan data yang terkini yang lebih praktikal, seperti menemubual Ketua Hakim Syarie, Pendakwa Syarie dan Penguatkuasa Agama, serta kaedah dokumentasi yang menjelaskan mengenai teori. Kajian ini dijangka berupaya mengupas item-item yang telah seragam dan juga item-item yang masih lagi tidak seragam dan sejauh mana ketidakseragaman itu memberi kesan dalam penguatkuasaan, pendakwaan dan kehakiman syariah. Analisa yang diperolehi dapat membantu dalam pemantapan institusi penguatkuasaan syariah, institusi kehakiman dan pendakwaan di dalam kes-kes jenayah syariah.

Kata kunci : Tatasusila, penguatkuasaan, pendakwaan, jenayah syariah, keseragaman.

1.0 PENDAHULUAN

Pada dasarnya undang-undang jenayah Islam di Malaysia hanya meliputi ruang lingkup takzir. Hingga kini tiada sebarang undang-undang khas hudud mahupun qisas dilaksanakan walaupun terdapat usaha-usaha untuk melaksanakannya di Kelantan dan Terengganu satu ketika dulu. Malahan bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah juga amatlah terhad jika dibandingkan dengan Mahkamah Sivil. Sebelum adanya enakmen jenayah syariah negeri-negeri, undang-undang berkaitan dengan jenayah syariah kebanyakannya diperuntukkan di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam negeri-negeri. Dari aspek bidangkuasa jenayah, hukum maksimum yang diperuntukkan di dalam enakmen-enakmen sebelum tahun 1965 hanya merangkumi denda sebanyak lima ribu atau penjara selama tempoh tidak melebihi 4 bulan atau kedua-duanya sekali. Had hukuman maksimum ini telah ditingkatkan pada tahun 1965 dengan denda seribu atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Pindaan pada Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) telah dibuat pada tahun 1984 dan setelah itu hukuman maksimum yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah syariah ialah denda lima ribu atau penjara tiga tahun atau enam kali sebatan atau kombinasi mana-mana hukuman. Dengan itu, kebanyakan negeri telah memperkenalkan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah masing-masing. Pada tahun 1988 telah berlaku pindaan di dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu Perkara 121(1A) yang telah membawa kepada penambahan kewibawaan Mahkamah Syariah. Mahkamah Syariah telah diberi kuasa eksklusif yang mana bidangkuasa Mahkamah Syariah tidak boleh dicampuri oleh Mahkamah Sivil.

Dari era sebelum merdeka hingga hari ini, kita telah menyaksikan beberapa pembaharuan dan perkembangan terhadap ruang lingkup undang-undang jenayah Islam di Malaysia. Secara umumnya undang-undang jenayah syariah ini boleh diklasifikasikan kepada beberapa jenis kesalahan yang merangkumi kesalahan berhubung dengan seksual, minuman keras, akidah, kesusilaan, judi, rukun Islam, kesucian agama Islam dan institusinya, matrimoni dan juga kesalahan-kesalahan lain.

2.0 LATAR BELAKANG ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH

Islam mula berkembang dengan pesat pada abad ke-15 Masihi melalui empayar Kesultanan Melayu Melaka. Raja dan rakyat negeri Melaka mula memeluk agama Islam pada awal abad ke-15. Dalam masa yang singkat, Islam telah tersebar ke seluruh Tanah Melayu, Pulau Jawa, Borneo, Sulawesi dan Mindanao. Kedatangan Islam ini bukan sahaja mengubah sosio budaya dan pemikiran masyarakat tempatan di Kepulauan Melayu, bahkan juga telah membawa perubahan dari sudut perundangan dan pentadbiran.¹ Bukti sejarah menunjukkan undang-undang Islam telah pun diamalkan di Tanah Melayu sebelum kedatangan penjajah Barat, meliputi hukum Islam secara menyeluruh sama ada jenayah, urus niaga atau muamalat, kekeluargaan, prosedur dan keterangan.

Teks perundangan yang berkuat kuasa di negeri-negeri Melayu seperti Hukum Kanun Melaka atau juga dikenali sebagai Undang-undang Melaka, membuktikan penerimaan dan pelaksanaan undang-undang Islam pada masa tersebut. Sebahagian besar kandungan undang-undang tersebut berasaskan undang-undang Islam dalam semua bidang termasuklah soal jenayah, urus niaga, kekeluargaan, keterangan dan acara. Umpamanya terdapat hukuman bunuh balas atau qisas, hukum hudud seperti sebat atau rejam bagi kesalahan zina dan liwat, hukuman sebat terhadap kesalahan *qazaf* atau menuduh zina tanpa saksi, hukuman mati bagi kesalahan murtad, hukuman potong tangan bagi kesalahan mencuri, hukuman sebat bagi kesalahan minum arak, kesalahan merompak sambil membunuh, dan hukuman mati bagi penderhaka. Hukum Kanun Melaka juga memperuntukkan hukuman berkaitan dengan hukum *takzir* dan *diat*, di samping beberapa peruntukan berkaitan dengan urus niaga atau muamalat seperti pengharaman riba, kesahihan sesuatu kontrak, kontrak jual beli, pinjaman dan amanah yang selari dengan hukum Islam.

Pada zaman penjajahan British pula, ianya bermula dengan Perjanjian Pangkor 1874 yang merupakan titik tolak peluasan pengaruh Inggeris di Tanah Melayu. Perjanjian antara Inggeris dengan pemimpin Melayu menghendaki pemimpin Melayu menerima seorang penasihat Inggeris di negeri Perak. Nasihat beliau perlu diminta dan diikuti dalam semua hal pentadbiran kecuali perkara-perkara yang menyentuh agama dan adat resam orang Melayu. Antara undang-undang awal berkaitan jenayah syariah yang mana mempunyai pengaruh Inggeris di dalamnya ialah *Adultery By Muhammadan* yang telah dikuatkuasakan di Perak

¹ Musa Awang. (t.t.) Di Manakah Kita dalam Pemantapan Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah?. 27 KANUN (1). Hlm 57.

melalui Perintah No.1 1894. Undang-undang yang sama juga telah dikuatkuasakan di Selangor pada tahun yang sama dikenali sebagai *The Prevention of Adultery Regulation*.²

Selepas itu, *The Muhammadan Law's Enactment 1904* dikuatkuasakan di Negeri-Negeri Melayu bersekutu iaitu Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan. Undang-undang ini bertujuan menghukum orang Islam yang melakukan kesalahan tertentu. Berbagaimana bagai pindaan kemudiannya telah dibuat terhadap undang-undang ini di negeri-negeri berkenaan sehinggalah diletakkan di bawah *Chapter 198 Revised Law of Federated of Malay States 1935*.

Sebelum merdeka, kesalahan-kesalahan jenayah syariah adalah diperuntukkan di dalam satu peruntukan khas yang bersifat umum iaitu Enakmen Pentadbiran Majlis Agama Negeri-negeri.³ Dekad 80-an dan 90-an sehingga kini menyaksikan beberapa negeri mengkanunkan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah. Negeri yang paling awal memiliki Enakmen ‘dalam bajunya sendiri’ seperti yang ada sekarang ialah dengan terkanunnya Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Kelantan 1985 yang kekal digunakan sehingga sekarang, diikuti oleh Kedah pada tahun 1989, negeri-negeri lain pula membuat pindaan kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam masing-masing pada awal 90-an seperti Sarawak (1991), Perlis (1993), Johor (1992), Selangor (1995), Pulau Pinang (1996), Wilayah Persekutuan (1997).⁴

3.0 PERUNTUKAN BAGI JENIS KESALAHAN DALAM ENAKMEN JENAYAH SYARIAH

Pada umumnya, orang Islam adalah tertakluk kepada Undang-undang Jenayah Negeri. Walau bagaimanapun terdapat juga undang-undang jenayah yang digubal oleh Persekutuan yang perlu dipatuhi oleh seluruh umat Islam. Sebagai contoh, kesalahan yang bersangkut paut dengan harta benda seperti mencuri, merompak dan lain-lain kesalahan yang berkait dengan negara seperti penderhakaan dan sebagainya. Kesemua kesalahan ini terdapat dalam Kanun Keseksaan di mana orang-orang Islam adalah tertakluk kepada undang-undang tersebut.

Kesalahan-kesalahan jenayah yang diperuntukkan dalam enakmen-enakmen berkenaan adalah terlalu sedikit dan amat terhad termasuk peruntukan hukumannya. Hukuman yang diperuntukkan hanyalah merangkumi takzir iaitu penjara, denda atau sebatan. Peruntukan ini boleh dilihat dalam beberapa enakmen negeri-negeri seperti Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, Akta Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997, Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Kelantan) 1985 dan Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (pindaan) (Kelantan) 1986. Bagi negeri yang masih tidak mempunyai enakmen jenayah syariah, peruntukan kesalahan terdapat di dalam enakmen pentadbiran undang-undang Islam negeri masing-masing. Selain daripada itu terdapat juga kesalahan jenayah syariah yang diperuntukkan di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Bahagian Iv dan X yang dikenali sebagai kesalahan matrimoni seperti Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Johor) 2003.⁵

Bagi menjelaskan intipati perbincangan, pengklasifikasian kesalahan jenayah syariah ini dapat diringkaskan seperti berikut:⁶

2 Mahmood Zuhdi Abd Majid. 2007. Pengantar Undang-Undang Islam Di Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. Hlm 137.

3 Jasri Jamal & Hasnizam Hashim. 2014. Transformasi Mahkamah Syariah di Malaysia: Keperluan Kajian Semula Terhadap Bentuk Hukuman bagi Kes-Kes Jenayah Syariah. Vol.12 (June) 2014. Hlm 91.

4 Siti Zubaidah Ismail. 2009. Tinjauan Semula Terhadap Undang-Undang Jenayah Syariah Di Malaysia. [2 ShLR xlvii].

5 Zulkifli Hasan, 2007. Undang-undang Jenayah Syariah Di Malaysia & Sejauh Manakah Pelaksanaanya. dlm. Azman Ab Rahman et al., Isu-isu Semasa Global Sempena Kemerdekaan Ke-50. Nilai: Pusat Pengajian Umum USIM.

6 Jasri Jamal & Hasnizam Hashim. 2014. Transformasi Mahkamah Syariah di Malaysia: Keperluan Kajian Semula Terhadap Bentuk Hukuman bagi Kes-Kes Jenayah Syariah. Vol.12 (June) 2014. Hlm 92.

- (a) Kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan akhlak, seperti berkelakuan tidak sopan di khalayak ramai dan lelaki berlagak seperti perempuan di tempat-tempat awam.
- (b) Kesalahan-kesalahan seks seperti bercumbuan antara pasangan yang bukan suami isteri, bersekedudukan atau berkhalwat, berkelakuan sumbang, berzina, mukaddimah zina, liwat, musahaqah, hamil atau melahirkan anak di luar nikah dan melacurkan diri.
- (c) Kesalahan-kesalahan berhubung dengan amalan agama seperti mengeluarkan atau menyebarkan kata-kata yang bertentangan dengan hukum syarak, menganjur, menggalak atau melakukan maksiat, meminum minuman yang memabukkan, menjual dan membeli minuman yang memabukkan dan tidak berpuasa di bulan Ramadhan.
- (d) Kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan kesejahteraan orang lain seperti menghasut atau memujuk mana-mana perempuan bersuami atau beristeri supaya bercerai, mlarikan atau menyebabkan seseorang isteri orang lain meninggalkan rumah tangga yang ditentukan oleh suaminya, melacurkan anak atau kanak-kanak di bawah jagaan, mlarikan atau mempengaruhi seseorang perempuan supaya lari dari jagaan ibu bapanya, menjadi muncikari iaitu menjadi orang tengah untuk tujuan menyalahi syarak dan mempertikaikan keIslamam orang lain.
- (e) Kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan pentadbiran hukum- hukum Islam seperti mengingkari, membantah, melanggar atau mengeji mana-mana kadhil hakim atau pegawai hal ehwal agama, mufti, mungkir mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa di mahkamah, melanggar dan mengingkari atau menghina mana-mana perintah mahkamah.
- (f) Bersubahat dalam melakukan apa-apa kesalahan di atas.
- (g) Pelbagai kesalahan yang tidak termasuk dalam kategori di atas.

Selain itu, kesalahan-kesalahan jenayah syariah juga turut terdapat di dalam Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri. Kesalahan-kesalahan tersebut ialah: (Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri):

- (a) Penalti berhubung dengan akad nikah dan pendaftaran perkahwinan seperti tidak hadir di hadapan dan Pendaftar dalam masa yang ditetapkan, gangguan terhadap perkahwinan, akuan atau penyataan palsu untuk mendapatkan perkahwinan dan akad nikah perkahwinan yang tidak dibenarkan.
- (b) Penalti am seperti poligami tanpa kebenaran Mahkamah, penceraian di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkarnah, menganiaya isteri atau suami dan sebagainya.

4.0 KESERAGAMAN DAN KETIDAKSERAGAMAN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH BERKAITAN TATASUSILA DALAM ENAKMEN JENAYAH SYARIAH NEGERI-NEGERI

Kamus Dewan Edisi Keempat mentakrifkan moral sebagai ajaran atau pegangan tentang buruk baik sesuatu perbuatan, sikap atau cara berkelakuan yang berasaskan atau diukur dari segi baik buruk sesuatu akhlak manakala akhlak didefinisikan sebagai budi pekerti, kelakuan atau tabiat.⁷ Bagi menganalisis kesalahan berkaitan moral dalam enakmen kesalahan jenayah syariah, penulis telah merujuk kepada kesalahan-kesalahan yang telah diklasifikasikan di bawah kesalahan tatasusila kerana ia telah ditakrifkan sebagai adat santun dan budi pekerti yang baik. Jelas, ketiga-ketiga istilah ini saling mempunyai pengertian yang berkait dan merujuk kepada maksud yang sama. Berdasarkan kepada takrifan yang diberikan

⁷ Kamus Dewan Edisi Keempat.

terhadap istilah-istilah ini, dapat dirumuskan bahawa kesalahan berhubungan tatususila dilihat amat bertepatan untuk dirujuk sebagai kesalahan berkaitan moral atau akhlak.

Perbincangan ini akan memfokuskan terhadap kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan tatususila dan moral sahaja. Kesalahan yang berkaitan dengan tatususila yang terdapat di dalam Enakmen-Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri secara umumnya, merangkumi kesalahan melibatkan kesusilaan, seksyen 30 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 memperuntukkan kesalahan lelaki berlagak perempuan⁸ dan seksyen 31 kesalahan perbuatan tidak sopan di tempat awam yang mana kedua-duanya memperuntukkan hukuman boleh didenda tidak melebihi seribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Bagi kesalahan yang berkaitan dengan seksual pula, Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995⁹ terdapat lapan peruntukan yang berkaitan dengan kesalahan seksual seperti perbuatan sumbang mahram, pelacuran, muncikari, persetubuhan luar nikah, perbuatan persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah, hubungan jenis antara orang yang sama jantina, persetubuhan bertentangan dengan hukum tabii dan khalwat. Terdapat empat peruntukan lagi yang berkaitan iaitu memujuk lari perempuan bersuami, menghalang pasangan yang sudah bernikah hidup sebagai suami isteri, menghasut suami atau isteri menjalankan kewajipan dan menjual atau memberi anak kepada orang bukan Islam.

Susulan daripada punca kuasa yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan yang membenarkan Dewan Undangan Negeri menggubal kesalahan-kesalahan jenayah syariah setekat mana yang dibenarkan, maka dengan itu lahirlah bermacam-macam bentuk undang-undang kesalahan jenayah syariah. Pendekatan yang tidak seragam ini akan membawa kepada kesulitan dalam aspek penguatkuasaan dan pendakwaan. Berdasarkan temubual yang dilakukan dengan Ketua Pendakwa Syarie, Bahagian Pendakwaan Syariah Negeri Perak beliau menyatakan :¹⁰

Ketidakseragaman memang banyak kesan terutamanya kepada pihak pendakwaan sendiri dan juga mahkamah lah bila tak berlaku keseragaman so masyarakat yang bukan Islam dia akan nampak lah kenapa undang-undang Syariah ni tak menyeluruh...

Analisis awal mendapati keseragaman yang boleh dilihat adalah hampir keseluruhan enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri mempunyai peruntukan berkaitan persetubuhan haram, persediaan melakukan persetubuhan haram, muncikari, khalwat, perbuatan tidak sopan di tempat awam, pelacuran, menjual atau memberi anak kepada orang bukan Islam, hamil luar nikah, lelaki berlagak seperti perempuan, berkelakuan sumbang, liwat musahaqah, menjual atau memberi anak kepada orang bukan Islam dan galakan maksiat. Namun sejauh mana penguatkuasaan terhadap peruntukan tersebut dilakukan memerlukan kajian lanjut.

Perbincangan ini turut melihat keseragaman dari aspek hukuman bagi kesalahan-kesalahan. Had kuasa yang diberikan oleh Akta 355 kepada Mahkamah Syariah untuk menghukum adalah penjara tidak melebihi 3 tahun, denda tidak melebihi lima ribu ringgit dan tidak melebihi enam sebatan. Dengan meneliti peruntukan yang sedia ada, sebagai contoh di Perak, terdapat enam peruntukan yang mempunyai peruntukan hukuman yang tinggi iaitu bagi kesalahan sumbang mahram, pelacuran, muncikari, persetubuhan luar nikah, liwat dan

⁸ Lihat Pendakwa Syarie Selangor v Fahyu Hanim, Noni Mohamad dan Sharina Shaari. Jurnal Syariah 8:1 (2000).

⁹ Peruntukan yang seragam boleh dilihat juga di dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pulau Pinang) 1996.

¹⁰ Temubual bersama Ketua Pendakwa Syarie, Bahagian Pendakwaan Syariah Negeri Perak Tuan Muhammad Ridzuan bin Haji Yusof bertempat di Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 5 Jun 2017.

musahaqah.¹¹ Kesalahan-kesalahan tersebut merupakan kesalahan-kesalahan yang serius dan wajar dikenakan hukuman yang maksimum. Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Ipoh, YA Tuan Mohamad Esham Bin Abdul Samad menegaskan:¹²

Satu kesalahan yang berat contoh hamil luar nikah, contoh persetubuhan haram, dan sebagainya itu berat... Ataupun kalau tengok dari segi bidang kuasa Mahkamah Tinggi, dia ada hukuman sebat dan sebahagiannya itu beratlah...

Disebabkan terdapatnya pelbagai enakmen-enakmen kesalahan jenayah syariah di Malaysia yang digubal oleh negeri-negeri, maka sudah tentunya pelbagai ketidakseragaman yang akan wujud. Meletakkan kesalahan dalam setiap kelasnya akan memudahkan pengamal undang-undang dan juga orang awam untuk memahami peruntukan undang-undang dengan sewajarnya. Dengan menetapkan sesuatu itu mengikut kategori yang betul dan sesuai, ianya semakin mudah untuk diaplikasikan. Namun di dalam enakmen ini sendiri, terdapat beberapa ketidakseragaman dalam pengelasan kategori kesalahan. Terdapat negeri-negeri yang mengelaskan kesalahan tatasusila di dalam kategori dan bahagian yang betul. Contoh yang baik dapat diperhatikan di Negeri Sembilan di dalam Enakmenya, Negeri Sembilan meletakkan kesemua kesalahan yang berkaitan dengan tatasusila di dalam bahagian Darihal Kesalahan Mengenai Kehormatan Diri. Di dalam bahagian ini, terdapat 18 kesalahan yang tergolong dalam kategori ini misalnya memikat atau membawa pergi perempuan bersuami atau anak dara,¹³ melacurkan isteri atau anak,¹⁴ dan juga kesalahan menghasut perempuan bersuami atau lelaki beristeri.¹⁵ Tanya berbeza dengan Negeri Melaka, Sabah dan Perlis yang meletakkan kesalahan tatasusila ini bercampur dengan kesalahan-kesalahan yang lain.

Selain dari masalah yang dinyatakan di atas, masalah susunan seksyen yang tidak sekata dan tidak seragam juga menjadi masalah. Masalah akan timbul tatkala rujukan dibuat terhadap sesebuah kesalahan. Susunan seksyen yang sekata dan tidak berserabut akan memudahkan para pengamal undang-undang dan juga Pegawai Penguatkuasa Agama untuk merujuk sesuatu kesalahan di negeri yang lain. Kesalahan khalwat yang diperuntukkan di dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Negeri Kelantan) 1985 berada di dalam seksyen 9 manakala di Negeri Sabah, untuk peruntukan yang sama berada di seksyen 84. Namun terdapat beberapa negeri yang cenderung untuk membuat persamaan seperti kesalahan sumbang mahram yang terletak di bawah seksyen 20 di dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 turut diikuti oleh Negeri Pulau Pinang¹⁶ yang turut berada di dalam susunan yang sama.

Terdapat juga peruntukan di dalam negeri-negeri yang bersifat berat sebelah atau *bias* ataupun memihak kepada satu jantina sahaja. Walhal di dalam Islam, Islam tidak pernah membezakan status jantina seseorang. Tidak kira seorang mukallaf itu lelaki maupun perempuan, sekiranya dia melakukan dosa, dia mendapat dosa, dan begitulah sebalik. Kesalahan lelaki berpakaian terdapat di dalam semua negeri.¹⁷ Namun, peruntukan yang sebaliknya iaitu perempuan berlagak seperti lelaki tidak wujud, kecuali di negeri-negeri yang mempunyai peruntukan sedemikian ialah Negeri Perlis, Negeri Pahang, Negeri Terengganu dan Negeri Sabah. Hal sedemikian harus dikaji semula kerana masalah wanita berpakaian

¹¹ Lihat juga Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992 dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995.

¹² Temubual bersama Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Ipoh, YA Tuan Mohamad Esham Bin Abdul Samad bertempat di Jabatan Kehakiman Syariah Perak pada 5 Jun 2017.

¹³ Seksyen 76 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2004.

¹⁴ Seksyen 72 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2004.

¹⁵ Seksyen 74 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2004.

¹⁶ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996.

¹⁷ Mahfuzah Mohamad. 2015. *Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender: Perspektif Undang-undang Jenayah Syariah.* (19 JUUM 29). Hlm 33.

lelaki semakin berleluasa tambahan lagi dengan munculnya golongan pengid yang berperwatakan seperti seorang lelaki.

Selain itu, masalah penggunaan terma yang tidak seragam juga boleh mewujudkan kekeliruan. Penggunaan terma yang betul dan seragam dapat memastikan kehendak penggubal undang-undang dapat dilaksanakan dengan sebaiknya mengikut hasrat mereka. Namun penggunaan terma perlulah lebih berhati-hati kerana ianya mungkin akan mewujudkan masalah teknikal di kemudian hari. Di Melaka, terma khalwat tidak diguna pakai. Tetapi diganti dengan terma bersekediaman¹⁸ yang mempunyai unsur-unsur dan syarat yang sama seperti khalwat. Negeri Perak melalui peruntukan seksyen 51 menggunakan istilah bersekedudukan. Istilah lelaki berpakaian seperti perempuan seperti yang diguna pakai di dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 namun seperti di Kedah, melalui seksyen 7¹⁹ menggunakan terma pondan. Terma pondan ini nyatanya lebih luas skopnya berbanding dengan terma lelaki berpakaian seperti perempuan.

5.0 RUMUSAN DAN CADANGAN

Analisis awal terhadap beberapa peruntukan berkaitan kesalahan moral yang dibincangkan ini secara jelas menunjukkan terdapat perbezaan dan ketidakseragaman peruntukan berkaitan kesalahan moral melibatkan orang Islam. Sungguhpun ketidakseragaman ini berpunca dari kuasa pentadbiran negeri-negeri yang telah diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan terhadap undang-undang syariah, namun ketidakseragaman dalam beberapa kesalahan boleh menimbulkan persepsi negatif dan mendatangkan masalah dalam masyarakat. Sebagai contoh, negeri Perak dan Melaka mempunyai peruntukan berkaitan bersekedudukan manakala negeri-negeri lain tidak mempunyai peruntukan tersebut. Ketidakseragaman ini sudah tentu sedikit sebanyak memberi impak kepada pelaksanaan peruntukan tersebut di negeri-negeri yang berkaitan kerana masyarakat mungkin mempersoalkan dan membandingkan kedudukan undang-undang tersebut dengan negeri lain. Begitu juga dengan kes lari dari rumah atau menyembunyikan kehamilan luar nikah yang tidak terdapat di kebanyakan negeri-negeri lain, kecuali yang terdapat dalam enakmen jenayah syariah bagi negeri-negeri yang telah dijelaskan. Ia boleh menimbulkan salah tanggapan atau salah faham masyarakat terhadap sesuatu peruntukan kesalahan. Hasil analisis awal yang ringkas ini, beberapa cadangan yang dikemukakan seperti berikut mampu membantu ke arah penyeragaman dan pemantapan undang-undang jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia. Antaranya ialah

5.1 Usaha-Usaha berterusan yang proaktif oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai sebuah agensi utama pengurusan hal ehwal Islam di peringkat persekutuan serta sebagai urus setia kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang mana antaranya bertanggungjawabnya dalam penggubalan dan Penyeragaman Undang-undang Syarak. JAKIM mempunyai peranan yang amat signifikan dalam memartabatkan kelangsungan undang-undang jenayah Islam di Malaysia, dan ianya perlu berterusan secara proaktif dengan mengambil kira langkah-langkah penting menangani isu-isu berkaitannya. Bagi menjalankan fungsi tersebut, JAKIM bertanggungjawab melaksanakan urusan-urusan berikut:

¹⁸ Seksyen 53 Enakmen Kesalahan Syariah (Melaka) 1995.

¹⁹ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014.

- (a) Menyelaraskan dan melaksanakan arahan Majlis Raja-Raja mengenai urusan agama Islam melalui (MKI);
- (b) Menyelaraskan dan menyeragamkan undang-undang Islam seluruh Malaysia;
- (c) Menggubal akta dan undang- undang Islam bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan;
- (d) Menyelaraskan penguatkuasaan undang-undang syarak negeri-negeri;
- (e) Menyelaraskan fatwa dan pematuhan pelaksanaannya.

Setakat ini, JAKIM telah berjaya dalam usaha untuk menyeragamkan lima undang-undang yang lain dan telah mendapat perkenan Majlis Raja-Raja iaitu undang-Undang Keluarga Islam, keterangan, tatacara mal dan jenayah serta undang-undang pentadbiran. Namun, Majlis Raja-Raja yang bersidang pada 21 Mac 2001 bersetuju untuk menangguhkan dahulu pelaksanaan undang-undang kesalahan jenayah syariah.

5.2 Menyediakan Arahan Tetap ataupun SOP

Disebabkan terdapat ketidakseragaman di dalam peruntukan undang-undang, maka suatu Arahan Tetap Pengarah bolehlah dirangka ataupun '*Standard Operating Procedure*' - SOP yang khusus berkenaan sesuatu peruntukan yang kelihatan samar dan terdapat kesukaran dalam aspek penguatkuasaannya. Misalnya di Negeri Selangor, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah mengeluarkan Arahan Tetap Pengarah JAIS 2003 yang menerangkan mengenai tindakan yang boleh dilakukan oleh Penguatkuasa Agama dalam usaha pencegahan terhadap pelanggaran seksyen 31 bagi kesalahan pelakuan tidak sopan di tempat awam. Cadangan ini juga disokong oleh Ketua Penguatkuasa Agama Negeri Sarawak yang mana beliau menyatakan dengan adanya SOP yang jelas dapat memudahkan urusan penguatkuasaan dan akan menjadikan proses lebih teratur dan kemas.²⁰

5.3 Mengadakan kursus atau hubungan kerjasama antara negeri

Suatu pendekatan proaktif yang telah diambil oleh Jabatan Agama Islam Melaka dengan pihak Jabatan Kehakiman Syariah Melaka di mana pada setiap tahun mereka akan mengadakan Muzakarah antara agensi agama yang melibatkan Bahagian Pendakwaan, Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Kehakiman.²¹ Di dalam muzakarah ini, segala permasalahan akan dirungkai dari aspek yang berkaitan tafsiran perundangan, SOP dan sebagainya. Perbincangan sebegini adalah sangat baik kerana ketiga-tiga agensi agama ini akan berbincang bersama-sama untuk menyelesaikan apa jua isu dan masalah yang berbangkit dalam usaha untuk memantapkan peruntukan dalam Enakmen Jenayah Syariah masing-masing.

6.0 PENGHARGAAN

Penulisan prosiding ini merupakan sebahagian hasil kajian ilmiah di bawah Geran FRGS/1/2016/SSI10/KUIS/03/1, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi yang telah diberikan kepada penulis. Tempoh kajian FRGS ini bermula pada Ogos 2016 dan akan berakhir pada tahun Julai 2018. Penulis melahirkan rasa syukur dan berterima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi yang memberikan ruang dan peluang untuk

²⁰ Temubual bersama Ketua Penguatkuasa Agama Negeri Sarawak, Tuan Wan Saifudin Bin Wan Mahidi bertempat di Jabatan Agama Islam Sarawak, pada 15 Jun 2017.

²¹ Temubual bersama Ketua Hakim Syarie Melaka, YAA Datuk Mohamad Radhi Bin Abdul Latif, bertempat di Jabatan Kehakiman Syariah Melaka pada 7 Jun 2017.

melaksanakan kajian ilmiah di bawah Geran FRGS ini yang bertajuk: Model Keseragaman Peruntukan berkaitan Kesalahan Tatasusila dalam Enakmen Jenayah.

7.0 RUJUKAN

- Ainul Bashirah Bt Ismail et.al. Kesalahan Khalwat Dan Perbuatan Tidak Sopan Dan Hukumannya Menurut Islam. *Jurnal Hadhari* 4 (2) (2012)
- Azizah Binti Mat Rashid et.al. 2016. Ketidakseragaman Peruntukan Berkaitan Kesalahan Moral Dalam Enakmen Jenayah Syariah Di Malaysia: Satu Analisis. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah 2016 (Irsyad 2016)
- Jasri Jamal & Hasnizam Hashim. 2014. Transformasi Mahkamah Syariah di Malaysia: Keperluan Kajian Semula Terhadap Bentuk Hukuman bagi Kes-Kes Jenayah Syariah. VOL.12 (JUNE) 2014.
- Mahfudzah Mohamad. 2015. Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender: Perspektif Undang-undang Jenayah Syariah. (19 JUUM 29).
- Mahmood Zuhdi Abd Majid. 2007. Pengantar Undang-Undang Islam Di Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Musa Awang. (t.t.) Di Manakah Kita dalam Pemantapan Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah? 27 KANUN (1).
- Siti Zubaidah Ismail. 2009. Tinjauan Semula Terhadap Undang-Undang Jenayah Syariah Di Malaysia. [2 ShLR xlvii]
- Zulkifli Hasan, 2007. Undang-undang Jenayah Syariah Di Malaysia & Sejauh Manakah Pelaksanaanya. dlm. Azman Ab Rahman et al., Isu-isu Semasa Global Sempena Kemerdekaan Ke-50. Nilai: Pusat Pengajian Umum USIM.

Temubual

- Temubual bersama Ketua Penguatkuasa Agama Negeri Sarawak, Tuan Wan Saifudin Bin Wan Mahidi bertempat di Jabatan Agama Islam Sarawak, pada 15 Jun 2017.
- Temubual bersama Ketua Pendakwa Syarie, Bahagian Pendakwaan Syariah Negeri Perak Tuan Muhammad Ridzuan bin Haji Yusof bertempat di Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 5 Jun 2017.
- Temubual bersama Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Ipoh, YA Tuan Mohamad Esham Bin Abdul Samad bertempat di Jabatan Kehakiman Syariah Perak pada 5 Jun 2017.
- Temubual bersama Ketua Hakim Syarie Melaka, YAA Datuk Mohamad Radhi Bin Abdul Latif, bertempat di Jabatan Kehakiman Syariah Melaka pada 7 Jun 2017.

Statut

- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997.
- Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014.
- Enakmen Kesalahan Syariah (Melaka) 1995.
- Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2004.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996.
- Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.